



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PROFIL PERSONALITI BELIA DAN HUBUNGANNYA
DENGAN DISIPLIN IBU BAPA**

IRWAN PRAYITNO

FPP L 1996 9

PROFIL PERSONALITI BELIA
DAN
HUBUNGANNYA DENGAN DISIPLIN IBU BAPA

IRWAN PRAYITNO

MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
1996



PROFIL PERSONALITI BELIA
DAN
HUBUNGANNYA DENGAN DISIPLIN IBU BAPA

OLEH
IRWAN PRAYITNO

**Projek Penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi
sebahagian syarat Sarjana Sains di Pusat
Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia**

November 1996



Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Amat Pengasih dan lagi Amat Penyayang. Puji dan syukur ke hadrat-Nya kerana dengan limpah kurnia dan kudrat-Nya jua, akhirnya saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan ini.

Projek penyelidikan ini tidak mungkin boleh diselesaikan tanpa bantuan dari pelbagai pihak, secara langsung ataupun tidak langsung. Oleh itu, dengan rasa rendah diri dan kesyukuran kepada Allah S.W.T, di sini saya mengambil kesempatan merakamkan penghargaan ikhlas dan terhutang budi kepada penyelia saya Prof.Madya Dr.Hj.Azimi bin Hj.Hamzah yang telah menunjukajar dan membimbing saya semenjak peringkat awal pengajian, beliau telah memberikan nasihat, panduan dan kritikan yang membina. Kesudian beliau melapangkan masa untuk penyelesaian projek ini dan tidak jemu-jemu memberi teguran dalam usaha menyempurnakan projek ini amatlah saya sanjung tinggi, malahan beliau telah memberikan satu pendedahan pembelajaran yang amat bernilai kepada diri saya yang sukar dilupakan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih saya hurkan kepada Pengarah PPPL iaitu Prof.Madya Dr.Abu Daud bin Silong dan Timbalan Pengarah PPPL iaitu Prof.Madya Dr. Saidin bin Teh. Seterusnya kepada para pensyarah PPPL yang telah memberikan ilmu kepada saya, tidak lupa saya mengucapkan penghargaan dan

ribuan terima kasih, khususnya kepada Dr. Bahaman Abu Samah, Dr. Hj. Turiman Suandi, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail, Prof. Madya Dr. Mohd. Salleh Hassan, Dr. Hj. Musa Abu Hassan, Dr. Hj. Ezhar Tamam, Dr. Hj. Asma Ahmad, Encik Omar Ismail dan Tuan Mohd Yussoff.

Di samping itu, saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pihak Depdikbud dan pihak Sekolah di Padang Sumbar Indonesia yang telah memberikan kebenaran dan kerjasama yang amat berharga ketika saya menjalankan kajian. Terima kasih juga kepada staf ADZKIA Padang yang membantu pelaksanaan projek ini.

Ucapan banyak terima kasih dan penghargaan juga saya huluskan kepada semua rakan seperjuangan yang sudi meluahkan pengalaman, idea, sokongan dan pandangan semasa tempoh pembelajaran saya di UPM, begitu juga kepada sahabat-sahabat Indonesia yang sudi meluahkan masanya untuk memberikan kerjasama dalam menyiapkan projek ini.

Penghargaan yang paling istimewa saya ucapkan kepada ibu yang disayangi Hj. Dra. Sudarni Sayuti dan ayah H. Drs. Djamrul Djamal SH yang memberikan dorongan meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Dan ungkapan penghargaan yang paling khusus iaitu isteri saya yang tercinta Puan Nevi Zuairina yang dengan penuh kesabaran, pengertian dan keikhlasan telah banyak memberikan inspirasi serta galakan untuk saya menamatkan pengajian ini dengan sempurna dan

berjaya. Kemudian kepada permata hatiku Jundi Fadhlillah, Wafiyatul'ahdi, Dhiya, usyahidah, Anwar Jundi dan Atika yang dengan kerinduannya dapat memberikan semangat untuk menyelesaikan pengajian ini.

Akhir sekali kepada semua pihak yang telah membantu tetapi tidak dapat disebutkan di dalam penghargaan ini, saya ucapkan banyak terima kasih.

Semua sokongan dan do'a yang telah saya terima menjadi kenangan yang sukar dilupakan dan merupakan hutang budi yang hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat memberikan balasannya. Semoga Allah S.W.T memberikan balasan atas budi baiknya tersebut. Amin.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
MATRIK	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xx

BAB

I PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Potensi Belia.....	1
Permasalahan Belia	2
Hubungan Belia dengan Ibu Bapa	4
Kenyataan Masalah	7
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Skop Kajian	13
Definisi Istilah	14

II RANGKA KONSEP DAN TINJAUAN BAHAN BERTULIS.... 15

/ Konsep Belia	15
Definisi	15
Ciri-ciri	17
Konsep Personaliti	20
Definisi	20
Teori Personaliti	22
Teori Personaliti Murray	24
Personaliti Belia	29
Disiplin Ibu Bapa	32
Kajian-Kajian Lepas Yang Berkaitan	38
Hubungan Personaliti Belia dengan Disiplin IbuBapa	38
Stail Disiplin Ibu Bapa Autokratik	39
Stail Disiplin Ibu Bapa Demokratik	43
Stail Disiplin Ibu Bapa Permisif	44
Perbezaan Personaliti Lelaki dan Perempuan	46
Penutup	47



III	METODOLOGI	49
	Hipotesis Kajian	49
	Kawasan Kajian	50
	Populasi Kajian	51
	Responden Kajian	51
	Peralatan Kajian	51
	Prauji	57
	Cara Pengumpulan Data	60
	Rangka Pembolehubah Kajian	60
	Pengukuran Pembolehubah Bergantung	62
	Cara Mengukur dan Interpretasi	62
	Nombor Soalan yang Menggambarkan Personaliti	64
	Analisis Data	67
	Statistik Deskriptif	67
	Ujian T dan ANOVA	67
	Korelasi	68.
	Penutup	69
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....	70
	Profil Responden	70
	Profil Keagamaan Ibu Bapa	71
	Profil Disiplin Ibu Bapa	72
	Profil Personaliti Belia.....	73
	Profil Personaliti Pencapaian	74
	Profil Personaliti Penghormatan.....	78
	Profil Personaliti Teratur	81
	Profil Personaliti Menonjolkan Diri.....	84
	Profil Personaliti Autonomi..	88
	Profil Personaliti Berkawan.....	92
	Profil Personaliti Empati.....	95
	Profil Personaliti Mencari Bantuan.....	98
	Profil Personaliti Menguasai.	102
	Profil Personaliti Merendahkan Diri.....	104
	Profil Personaliti Prihatin	108
	Profil Personaliti Perubahan	111
	Profil Personaliti Ketabahan.	114
	Profil Personaliti Pergaulan Dengan Berlainan Jantina.....	117
	Profil Personaliti Agresif.....	120

Perbezaan Personaliti Belia	126
Perbezaan Personaliti Belia di antara Disiplin Ibu Bapa....	126
Perbezaan Personaliti Pencapaian	126
Perbezaan Personaliti Penghormatan	128
Perbezaan Personaliti Teratur	130
Perbezaan Personaliti Menonjolkan Diri	131
Perbezaan Personaliti Autonomi	132
Perbezaan Personaliti Berkawan	134
Perbezaan Personaliti Empati	136
Perbezaan Personaliti Mencari Bantuan	138
Perbezaan Personaliti Menguasai	140
Perbezaan Personaliti Merendahkan Diri.....	141
Perbezaan Personaliti Prihatin	142
Perbezaan Personaliti Perubahan	143
Perbezaan Personaliti Ketabahan	145
Perbezaan Personaliti Pergaulan Dengan	
Berlainan Jantina	146
Perbezaan Personaliti Agresif	148
Perbezaan Personaliti Belia di antara Jantina	151
Perbezaan Personaliti Belia di antara Tempat Tinggal	155
Perbezaan Personaliti Belia di antara Ibu Bekerja	157
Perbezaan Stail Disiplin Ibu Bapa	160
Perkaitan Personaliti Belia	164
Perkaitan Personaliti Dengan Disiplin Ibu Bapa	165
Perkaitan yang Positif di antara Personaliti dengan	
Disiplin Ibu Bapa	166
Perkaitan yang Negatif di antara Personaliti dengan	
Disiplin Ibu Bapa	169
Perkaitan Personaliti dengan Keagamaan Ibu	172
Perkaitan Personaliti dengan Keagamaan Bapa	174
Penutup	177

V RINGKASAN, KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DAN CADANGAN.....	178
Ringkasan	178
Pernyataan Masalah	178
Objektif Kajian	179
Metodologi Kajian	179
Penemuan Kajian	180
Kesimpulan	189
Profil Personaliti Belia SMU di Padang.....	189
Perbezaan Personaliti Belia SMU di Padang.....	191
Perbezaan Stail Disiplin Ibu Bapa	192
Perkaitan Personaliti Responden.....	192
Perbincangan	193
Inplikasi dan Cadangan.....	211
 BIBLIOGRAFI	 214
 LAMPIRAN	
A Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	220
B Soal Selidik Demografi, Keagamaan Ibu Bapa dan Disiplin Ibu Bapa	226
C Soal Selidik EPPS	235
D Manual EPPS	260
E Norma Personaliti EPPS	273
F Glossary	277
 BUTIR DIRI	 284

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Koefisien Kebolehpercayaan EPPS	55
2	Perincian Borang Soal Selidik	57
3	Koefisien Kebolehpercayaan EPPS (Pra Ujian)	59
4	Taburan Profil Responden	71
5	Taburan Responden Mengikut Amalan Keagamaan Ibu dan Keagamaan Bapa	72
6	Taburan Peratus Responden Mengikut Kumpulan Disiplin Ibu Bapa	73
7	Taburan Personaliti Pencapaian Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	75
8	Taburan Personaliti Penghormatan Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	79
9	Taburan Personaliti Teratur Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	83
10	Taburan Personaliti Menonjolkan Diri Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	86
11	Taburan Personaliti Autonomi Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	90



12	Taburan Personaliti Berkawan Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	94
13	Taburan Personaliti Empati Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	96
14	Taburan Personaliti Mencari Bantuan Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	100
15	Taburan Personaliti Menguasai Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	103
16	Taburan Personaliti Merendahkan diri Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	106
17	Taburan Personaliti Prihatin Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum. Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	109
18	Taburan Personaliti Perubahan Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	112
19	Taburan Personaliti Ketabahan Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	115
20	Taburan Personaliti Pergaulan Dengan berlainan Jantina Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	118

21	Taburan Personaliti Agresif Bagi Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Kepada Profil Umum, Disiplin Autokratik, Demokratik dan Permisif.....	122
22	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Pencapaian	127
23	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Penghormatan	129
24	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Teratur	130
25	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Menonjolkan Diri	132
26	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Autonomi	133
27	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Berkawan	136
28	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Empati	137
29	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Mencari Bantuan	139
30	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Menguasai	140
31	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Merendahkan Diri	142
32	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Prihatin	143

33	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Perubahan	144
34	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Ketabahan	146
35	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Pergaulan dengan Berlainan Jantina	147
36	Analisis Varians di antara Disiplin Ibu Bapa dengan Personaliti Agresif	149
37	Hasil Ujian t di antara Jantina dengan Personaliti	154
38	Hasil Ujian t di antara Tempat Tinggal dengan Personaliti	156
39	Hasil Ujian t di antara Ibu Bekerja dengan Personaliti	158
40	Hasil Ujian t di antara Pembolehubah Bebas dengan Disiplin Ibu Bapa	162
41	Perkaitan di antara Pembolehubah Personaliti Belia dengan Disiplin Ibu Bapa	171
42	Perkaitan di antara Pembolehubah Personaliti Belia dengan Keagamaan Ibu	173
43	Perkaitan di antara Pembolehubah Personaliti Belia dengan Keagamaan Bapa	175

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Rangka Pembolehubah Kajian	62



MATRIK

Matrik		Muka Surat
1	Matrik Taburan Terbanyak Setiap Belia Lelaki dan Perempuan Mengikut Disiplin Ibu Bapa	125
2	Matrik Perbezaan Personaliti Belia Mengikut Disiplin Ibu Bapa	150
3	Matrik Perbezaan Personaliti Belia Mengikut Jantina, Tempat Tinggal dan Ibu Bekerja	159
4	Matrik Perbezaan Disiplin Ibu Bapa Mengikut Jantina, Tempat Tinggal, Ibu Bekerja dan Sekolah	163
5	Matrik Perkaitan Personaliti Belia dengan Disiplin Ibu Bapa, Keagamaan Ibu dan Keagamaan Bapa...	176



Abstrak Projek Penyelidikan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sains, Universiti Pertanian Malaysia.

**PROFIL PERSONALITI BELIA DAN HUBUNGANNYA
DENGAN DISIPLIN IBU BAPA**

Oleh

Irwan Prayitno

NOVEMBER 1996

Penyelia : Prof. Madya Dr.Haji Azimi bin Haji Hamzah
Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Ibu bapa, masyarakat dan negara mengharapkan belia mempunyai profil personaliti yang positif, bagi memastikan kesinambungan kejayaan sesebuah negara. Pemerhatian menunjukkan ibu bapa tidak mengetahui bahawa personaliti belia ada kaitannya dengan disiplin ibu bapa. Selain itu ibu bapa juga tidak mengetahui stail disiplin manakah yang sesuai dengan penyediaan belia. Justeru itu berbagai masalah personaliti belia ditemui. Akibatnya ialah masalah personaliti belia tidak dapat diselesaikan dan potensi mereka tidak dapat dikembangkan.



Berdasarkan kepada perbincangan di atas, objektif kajian memberi tumpuan kepada mengetahui profil personaliti belia dan perbezaan personaliti belia mengikut stail disiplin ibu bapa. Di samping itu juga kajian ini melihat perkaitan personaliti belia dengan stail disiplin ibu bapa. Subjek kajian terdiri daripada 165 belia Sekolah Menengah Umum (S.M.U), Padang Sumatera Barat, Indonesia. Peralatan kajian untuk mengukur personaliti adalah EPPS (*Edward Personal Preference Schedule*).

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan bahawa personaliti belia SMU di Padang memiliki perkaitan yang signifikan dengan stail disiplin ibu bapa (kecuali personaliti empati dan mencari bantuan). Didapati juga beberapa perbezaan kategori personaliti belia SMU Padang pada ibu bapa disiplin autokratik, demokratik ataupun permisif. Walaubagaimanapun disiplin demokratik adalah yang terbaik.

Di antara disiplin ibu bapa autokratik dengan demokratik didapati perbezaan signifikan terhadap personaliti pencapaian, penghormatan, teratur, berkawan, empati, mencari bantuan, menguasai, prihatin, perubahan, ketabahan dan agresif. Di antara disiplin ibu bapa autokratik dengan permisif didapati perbezaan yang signifikan pada personaliti pencapaian, penghormatan, teratur, menonjolkan diri.



autonomi, berkawan, empati, menguasai, merendahkan diri, perubahan, ketabahan dan pergaulan dengan berlainan jantina. Di antara disiplin demokratik dengan permisif didapati perbezaan yang signifikan pada personaliti pencapaian, teratur, autonomi, prihatin, perubahan dan pergaulan dengan berlainan jantina.

Kajian ini mencadangkan agar pihak sekolah, NGO, termasuk keluarga dan semua badan yang terlibat dalam pembangunan belia menggunakan hasil kajian ini untuk meningkatkan kualiti belia. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan agar kajian kualitatif yang lebih mendalam dikendalikan dengan mengambil pembolehubah lainnya yang dirasakan perlu.

Abstract of Research Project in partial fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science at Universiti Pertanian Malaysia.

YOUTH PERSONALITY PROFILE
AND ITS RELATIONSHIP WITH PARENTAL DISCIPLINE STYLES

By

IRWAN PRAYITNO

NOVEMBER 1996

Supervisor : Prof.Madya Dr.Haji Azimi bin Haji Hamzah

Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

Parents, community and the country foresee the importance of youth with positive personality profile is ensuring the continued success of a nation. However, observations indicate that parents are unaware that youth personality is associated with parental discipline styles. The parents are not familiar with the types of discipline styles that contribute to the difference youth personality profile



(Hurlock,1990). Thus many youth personality related problems remain unsolved and their potentials not developed.

Based on the above discussion, the study was conducted to identify the youth personality profile and the differences in youth personality profile according to parental discipline styles. This study also attempted to determine the relationship between youth personality profile with parental discipline styles. The subjects of this study were 165 students of Sekolah Menengah Umum (S.M.U) Padang, West Sumatra, Indonesia. The study employed the EPPS (Edward Personal Preference Schedule) to measure the personality profile.

In general, the findings reveal that the SMU youth personalities profile were significantly correlated to the parental discipline styles (except those of intraception and succorance). The study also shows that there were differences between youth personality profile with regard to the different parental disciplines styles. However, the democratic parental discipline style was found to be most appropriate in developing the positive youth personality profile.

The study shows that significant differences existed between autocratic discipline and democratic discipline with regard to achievement, deference, order,



affiliation, intraception, succorance, dominance, nurturance, change, endurance and aggression personalities. Significance differences were found to be true between autocratic discipline with permissive discipline with regard to the personalities achievement, deference, order, exhibition, autonomy, affiliation, intraception, dominance, abasement, change, endurance and heterosexual personalities. Concerning democratic discipline with permissive discipline, significant difference were found to exist with regard to achievement, order, autonomy, nurturance, change and heterosexual personalities.

Based on the findings, several suggestions were offered with regards to the use of knowledge gathered from the study to upgrade the youth personality. The study also suggests that future research on youth personality profile to be conducted employing the qualitative research methodology and looking at other variables that may contribute to the difference youth personality profile.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Potensi Belia

Belia merupakan golongan yang diharapkan mengisi pembangunan agama dan negara. Peranan ini, telah dibuktikan dengan sejarah gerakan belia di Indonesia yang merangkumi angkatan 1908, angkatan 1928, angkatan 1945 dan angkatan 1966. Dalam angkatan 1908, belia merintis arah perjuangan bangsa mencapai kemerdekaan dari penjajah. Angkatan belia 1928 pula menjelaskan perjuangan dengan persatuan dan persaudaraan. Peranan belia di tahun 1945 selanjutnya mengusir penjajah dengan merungkai ikatan belunggu kolonialisme dalam segala bentuk (Dahlan Ray ,1991).

Peranan belia dalam memajukan agama, juga cukup penting. Sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW, seperti Ali bin Abi Thalib RA, Mushab Bin Umair RA, Usamah Bin Zaid RA, Bilal Bin Rabah RA, dan Amr Bin Yasr RA merupakan belia-belia yang aktif dalam berdakwah dan merubah masyarakat jahiliyah menjadi Islamiyah (Muhammad Al Gazali, 1991). Dalam sejarah manusia dan agama, belia memainkan peranan yang penting dalam memperbaiki masyarakat dan umat.



Belia juga dikaitkan dengan pewaris negara di mana kerajaan, masyarakat dan keluarga sentiasa berharap pada belia untuk mengganti dan mengisi kekosongan generasi berikutnya yang akan pergi. Untuk mencapai ke arah itu, diwujudkan program-program yang dianjurkan oleh kerajaan seperti latihan dan bimbingan kepada belia. Badan-badan swasta seperti NGO, yayasan dan kumpulan-kumpulan belia juga memiliki program untuk meningkatkan potensi belia. Begitupun dengan ibu bapa sentiasa mendidik anaknya sehingga menjadi orang yang berguna. Kesemua program ini untuk mencapai harapan bersama iaitu kejayaan belia.

Mengikut KNPI (Komite Nasional Pemuda Indonesia), belia memiliki beberapa potensi antaranya cita-cita tinggi dan kritikal, dinamik dan kreatif, berani menghadapi bahaya, optimis dan bersemangat, sikap autonomi dan disiplin diri, berpendidikan, kekuatan fizikal, serta mudah menerima sains dan teknologi. Namun demikian potensi belia yang besar ini kurang dapat dikembangkan oleh kerana permasalahan yang dihadapi oleh belia itu sendiri.

Permasalahan Belia

Sebahagian besar sarjana psikologi sependapat bahawa masa belia merupakan fasa perkembangan yang terlalu pesat, baik secara fizikal, psikologi, sosial ataupun moral. Apabila perkembangan pada masa belia tidak dikembangkan dengan baik, maka akan muncul pelbagai masalah seperti: kenakalan, pelanggaran peraturan dan pengabaian nilai-nilai (Sudarsono, 1990).